



SOALAN-SOALAN LAZIM “(FAQ)” MENGENAI KADAR RUJUKAN YANG DIKEMAS KINI

Soalan 1 :	Apakah itu kadar rujukan?
Jawapan :	Kadar Rujukan merujuk kepada kadar yang mempengaruhi perubahan pada jumlah bayaran pinjaman/pembiayaan bagi pinjaman/pembiayaan dengan kadar terapung sepanjang tempoh pinjaman/pembiayaan. Kadar pinjaman/pembiayaan ditentukan oleh Kadar Rujukan dan <i>Spread</i>. Kadar pembiayaan = Kadar Rujukan (SBR = OPR) + Spread - Kadar pembiayaan efektif - Kadar keseluruhan yang mempengaruhi jumlah bayaran balik pinjaman - Menentukan perubahan pada bayaran balik pinjaman / pembiayaan bagi pinjaman / pembiayaan kadar terapung - Termasuk premium risiko kredit dan mudah tunai, kos operasi serta margin keuntungan - Pada amnya tidak berubah sepanjang tempoh pinjaman 3.35 % = 2.25% + 1.10% *Notes: Overnight Policy Rate (OPR) adalah 2.25% berkuatkuasa 8 Julai 2022 (Sumber rujukan: Keputusan Dasar Monetari BNM) SBR merujuk kepada Kadar Asas Standard (<i>Standardised Base Rate</i>)
Soalan 2 :	Apakah yang dimaksudkan dengan Kadar Asas Standard (<i>Standardised Base Rate</i>, SBR)?
Jawapan :	SBR ialah kadar rujukan yang akan digunakan oleh semua bank mulai 1 Ogos 2022 untuk menentukan kadar faedah untuk pinjaman/pembiayaan runcit baharu, pinjaman/pembiayaan semula pinjaman runcit sedia ada, dan pembaharuan pinjaman/pembiayaan runcit pusingan. Pinjaman/Pembiayaan runcit merujuk pinjaman kepada individu (bukan PKS atau perniagaan kecuali Microplus), manakala ‘pinjaman/pembiayaan berkadar terapung’ merujuk pinjaman yang kadar faedahnya boleh berubah sepanjang tempoh pinjaman/pembiayaan tersebut. SBR dihubungkan hanya kepada Kadar Dasar Semalaman (<i>Overnight Policy Rate</i>, OPR) yang ditentukan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari (<i>Monetary Policy Committee</i>, MPC) Bank Negara Malaysia.
Soalan 3 :	Mengapakah SBR diperkenalkan?
Jawapan :	SBR akan diseragamkan merentas semua bank, tidak seperti Kadar Asas (<i>Base Rate</i>, BR) yang berbeza-beza bagi setiap bank. Dengan Kadar Asas, perubahan BR pada masa hadapan boleh didorong oleh faktor-faktor yang berbeza antara bank. SBR meringkaskan dan memudahkan anda untuk memahami serta membuat perbandingan pinjaman/pembiayaan antara bank-bank. SBR akan membantu anda membuat pertimbangan dan keputusan yang lebih baik berdasarkan maklumat yang mencukupi semasa memilih bank ketika membuat permohonan pinjaman/pembiayaan berkadar terapung yang baharu.

Soalan 4 :	Bagaimanakah pengemaskinian Reference Rate Framework (RRF) mempengaruhi kadar pinjaman/pembiayaan?
Jawapan :	Bagi pelanggan sedia ada, peralihan kepada SBR tidak mempengaruhi kadar pinjaman/pembiayaan ke atas pinjaman/pembiayaan runcit berkadar terapung yang sedia ada. Bagi pelanggan baharu, kadar pinjaman/pembiayaan bagi pelanggan runcit sebahagian besarnya tidak sepatutnya terkesan oleh peralihan kepada SBR. Walau bagaimanapun, sama seperti keadaan sekarang, kadar pinjaman/pembiayaan dan bayaran balik pinjaman/pembiayaan bagi pelanggan masih boleh dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti profil risiko kredit pelanggan (cth. rekod prestasi bayaran balik pinjaman/pembiayaan).
Soalan 5 :	Bagaimanakah anda patut membuat perbandingan kadar pinjaman/pembiayaan antara bank-bank?
Jawapan :	 Kadar keuntungan ke atas pinjaman / pembiayaan (Kadar pinjaman / pembiayaan efektif) = SBR (OPR semasa = 2.25%) + Spread Bank A: 3.25% = SBR + 1.00% Bank B: 3.75% = SBR + 1.50% Perbandingan kadar pinjaman / pembiayaan efektif secara jelas dan mudah apabila membuat pilihan antara produk pinjaman / pembiayaan bank-bank berlainan Perbandingan tidak diperlukan kerana kadarnya sama untuk semua bank *Note: OPR adalah 2.25% berkuatkuasa 8 Julai 2022 (Sumber rujukan: Keputusan Dasar Monetari BNM)
Soalan 6 :	Apakah yang akan berlaku kepada pinjaman/pembiayaan anda yang berasaskan BR dan Kadar Pinjaman/Pembiayaan Asas (Base Lending/Financing Rate, BLR/BFR) mulai 1 Ogos 2022?
Jawapan :	- Untuk pinjaman/pembiayaan berasaskan BR dan BLR/BFR yang diambil sebelum 1 Ogos 2022, kadar keuntungannya akan terus berdasarkan BR dan BLR/BFR sehingga pinjaman/pembiayaan dibayar sepenuhnya. - BR dan BLR/BFR, sama seperti SBR, akan bergerak betul-betul selari dengan OPR mulai 1 Ogos 2022. Bagi tujuan ilustrasi: 

Soalan 7 :	Apakah yang perlu anda lakukan sebagai pelanggan?
Jawapan :	• Bandingkan kadar pinjaman/pembiayaan efektif (ELR/EFR) atau spread melebihi SBR yang ditawarkan oleh bank-bank yang berlainan sebelum mengambil pinjaman/pembiayaan baharu. • Baca Lembaran Penzahiran Produk (<i>Product Disclosure Sheet, PDS</i>). PDS memberikan maklumat penting mengenai produk kewangan yang ditawarkan oleh bank-bank, termasuk ELR/EFR dan jumlah bayaran balik pinjaman/pembiayaan yang anda sedang pertimbangkan. • Fahami bahawa jumlah bayaran balik pinjaman/pembiayaan bulanan anda akan bertambah atau berkurang apabila OPR berubah pada masa hadapan. • Nilai sama ada anda terus berupaya membayar balik pinjaman/pembiayaan sekiranya ELR/EFR meningkat pada masa hadapan.
Soalan 8 :	Bagaimanakah perubahan OPR mempengaruhi SBR?
Jawapan :	Apabila OPR diubah, bank-bank akan menyelaraskan SBR mengikut jumlah yang sama seperti perubahan pada OPR. Penyelarasan ini terpakai kepada peningkatan dan penurunan OPR.
Soalan 9 :	Jika SBR boleh berubah, dan perubahan itu mempengaruhi kadar keuntungan pinjaman/pembiayaan, bagaimanakah pula dengan spread yang melebihi SBR? Adakah bank-bank dibenarkan untuk mengubah spread semasa tempoh pinjaman/pembiayaan?
Jawapan :	Bank-bank tidak dibenarkan untuk menaikkan spread melebihi SBR semasa tempoh pinjaman/pembiayaan, kecuali terdapat perubahan kepada profil risiko kredit anda (sebagai contoh, jika anda gagal untuk membayar balik pinjaman/pembiayaan anda).
Soalan 10 :	Mengapakah spread yang melebihi SBR adalah lebih besar berbanding dengan spread yang melebihi BR? Adakah saya dikenakan caj yang lebih tinggi memandangkan spread yang melebihi SBR adalah lebih besar?
Jawapan :	• Anda tidak dikenakan caj yang tinggi semata-mata kerana spread yang lebih besar. Hal ini boleh diperhatikan melalui “kadar pinjaman/pembiayaan efektif (ELR/EFR)”, iaitu kadar keuntungan yang dikenakan ke atas pinjaman/pembiayaan. Jika ELR/EFR adalah sama, anda tidak dikenakan caj yang lebih tinggi. • Walau bagaimanapun, memandangkan SBR dihubungkan hanya kepada OPR bagi semua bank, setiap bank akan menetapkan spread dengan mengambil kira kos perniagaan atau pendanaan khusus mereka, yang berbeza antara bank-bank. • Selepas anda menandatangani kontrak pinjaman/pembiayaan, bank tidak dibenarkan menaikkan spread sepanjang tempoh pinjaman/pembiayaan, kecuali apabila profil risiko kredit pelanggan berubah. Sebagai perbandingan, pada masa ini, sesebuah bank boleh mengubah Kadar Asasnya disebabkan oleh perubahan dalam kos pendanaan bank tersebut, dan perubahan ini kurang telus kepada pelanggan.
Soalan 11 :	Jika saya mempunyai pinjaman/pembiayaan berasaskan BR atau BLR/BFR, adakah pinjaman/pembiayaan saya akan dipengaruhi oleh perubahan dalam SBR?
Jawapan :	Ya. BR dan BLR/BFR akan bergerak betul-betul selari dengan SBR. Maknanya, bagi sebarang perubahan pada SBR, susulan perubahan pada OPR, bank-bank akan menyelaraskan BLR/BFR dan BR mengikut jumlah yang sama dengan perubahan SBR.

Soalan 12 :	Berapa lamakah masa yang diambil oleh bank-bank untuk melaraskan SBR, BR dan BLR/BFR selepas berlaku perubahan kepada OPR?
Jawapan :	Bank Negara Malaysia menghendaki bank-bank menyelaraskan SBR, BR dan BLR/BFR mengikut jumlah yang sama seperti OPR dalam tempoh 7 hari bekerja daripada tarikh perubahan OPR.
Soalan 13 :	Adakah ansuran pinjaman/pembiayaan saya akan dipengaruhi oleh perubahan kepada SBR, BR dan BLR/BFR?
Jawapan :	Ya. Apabila SBR, BR dan BLR/BFR diturunkan, bank-bank akan mengurangkan jumlah ansuran pinjaman/pembiayaan anda. Begitu juga, jika kadar-kadar tersebut dinaikkan, bank-bank akan meningkatkan jumlah ansuran pinjaman/pembiayaan anda.
Soalan 14 :	Adakah saya akan diberitahu oleh bank apabila jumlah ansuran pinjaman/pembiayaan saya diubah?
Jawapan :	Bank Negara Malaysia menghendaki bank-bank memaklumkan kepada pelanggan tentang sebarang perubahan terhadap jumlah ansuran pinjaman/pembiayaan mereka sekurang-kurangnya 7 hari kalendar sebelum jumlah ansuran baharu perlu dibayar. Bank-bank boleh menyampaikan makluman ini kepada pelanggan melalui surat atau kaedah elektronik (cth. SMS, e-mel).
Soalan 15 :	Apakah akan berlaku jika pelanggan tidak mampu membayar jumlah ansuran pinjaman/pembiayaan yang lebih tinggi apabila SBR, BR atau BLR/BFR dinaikkan?
Jawapan :	Seseorang pelanggan yang menghadapi kesukaran kewangan untuk membayar jumlah ansuran pinjaman/pembiayaan baharu yang lebih tinggi boleh memohon untuk mengekalkan jumlah ansuran yang asal. Akaun pinjaman/pembiayaan tersebut mungkin dikategorikan sebagai 'dijadualkan semula dan distrukturkan semula'. Bank akan memaklumkan kepada pelanggan tentang kategori tersebut dan implikasinya, termasuk: • peningkatan jumlah kos pinjaman/pembiayaan; • pelanjutan/tambahan pada tempoh pinjaman/pembiayaan; • masa yang ditetapkan untuk membayar balik jumlah keuntungan tambahan, jika ada. Pelanggan boleh memohon untuk mengekalkan jumlah asal bayaran balik pinjaman/pembiayaan (melalui permohonan bertulis) sekiranya pelanggan dapat menzahirkan rekod lengkap yang membuktikan pelanggan menghadapi kesulitan kewangan tertakluk kepada budi bicara pihak Bank.
Soalan 16 :	Adakah terdapat perbezaan jika saya mengambil pinjaman/pembiayaan baharu sebelum atau selepas 1 Ogos 2022?
Jawapan :	• Kadar keuntungan untuk pinjaman/pembiayaan yang diambil sebelum 1 Ogos 2022 masih akan berdasarkan BR (iaitu BR + spread), manakala kadar keuntungan untuk pinjaman/pembiayaan yang diambil mulai 1 Ogos 2022 akan berdasarkan SBR (iaitu SBR + spread). • Sama ada pinjaman/pembiayaan tersebut berdasarkan BR atau SBR, kadar keuntungan ke atas pinjaman/pembiayaan (atau 'kadar pinjaman/pembiayaan efektif') akan terus ditentukan secara kompetitif dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk profil risiko pelanggan dan strategi perniagaan bank-bank.

	• Tidak kira mana-mana kes, BR dan SBR akan bergerak selari dengan OPR mulai 1 Ogos 2022 (lihat soalan 11).
Soalan 17 :	Mengapakah bank-bank dibenarkan untuk terus menawarkan pinjaman/pembiayaan kereta berkadar terapung yang berdasarkan BLR/BFR, dan bukan SBR?
Jawapan :	• Bank-bank boleh menggunakan BLR/BFR untuk pinjaman/pembiayaan kereta berkadar terapung disebabkan oleh keperluan di bawah Akta Sewa Beli 1967. Sekiranya Akta Sewa Beli 1967 disemak semula pada masa hadapan, bank-bank perlu menggunakan SBR sebagai kadar rujukan bagi pinjaman/pembiayaan kereta berkadar terapung. • Namun begitu, memandangkan BLR/BFR akan bergerak selari dengan SBR, kesan ke atas bayaran balik pinjaman/pembiayaan pelanggan tidak akan berbeza sama ada kadar keuntungan pinjaman/pembiayaan kereta tersebut berdasarkan BLR/BFR ataupun SBR.
Soalan 18 :	Di manakah saya boleh melihat paparan SBR, BR dan BLR/BFR?
Jawapan :	• Bank-bank akan memaparkan SBR, BR dan BLR/BFR mereka di semua cawangan dan dalam laman sesawang masing-masing. Bagi pelanggan baharu, bank-bank akan menzahirkan SBR dan kadar keuntungan atas pinjaman/pembiayaan (atau 'kadar pinjaman/pembiayaan efektif') dalam lembaran penzahiran produk pinjaman/pembiayaan tersebut. • Data SBR, BR dan BLR/BFR yang terdahulu juga boleh didapati melalui laman sesawang bank-bank.
Soalan 19 :	Di manakah pelanggan boleh mengajukan pertanyaan mengenai Rangka Kerja Kadar Rujukan atau membuat aduan tentang amalan bank-bank?
Jawapan :	Pelanggan yang mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan boleh menghubungi: • Pusat Perhubungan Pelanggan di 1-300-88-1900/ +603-26131900 (Overseas) atau e-mel customercare@bsn.com.my • BNMLINK melalui https://telelink.bnm.gov.my/ atau 1-300-88-5465.